

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR
(UNIT KORPORAT)

AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 10 MEI 2016

KERATAN AKHBAR

Selasa 10 Mei 2016 • Sinar Harian 35

LEMBAH KLANG

Nafi projek Horas tertangguh

Horas disiapkan mengikut tiga fasa, jangka siap hujung 2017

■ NOR AZIHAN MD GHAZALI

SHAH ALAM – Projek Sistem Pembesaran Sungai Hibrid (Horas) dan kolam takungan lain di negeri ini telah berjaya mengekalkan empangan pada tahap 60 peratus ke atas, khususnya di empangan Sungai Selangor, dalam keadaan negeri lain sudah berada pada tahap yang kritikal (30 peratus).

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pernenangan Pertanian dan Industri Asas Tani, Zaidy Abd'il Talib berkata, projek Horas telah membantu Kerajaan Selangor mengurangkan pengeluaran air di empangan menyebabkan Selangor berjaya mengekalkan 60 peratus air ke atas.

"Horas telah pun berfungsi bersama kolam-kolam takungan yang lain dan telah berjaya membantu kita menghadapi musim kemarau seperti El Niño.

"Semua pembinaan kolam Horas keseluruhannya dijangka siap pada hujung 2017 yang mampu membekalkan lebih 600 juta liter air sehari," katanya ketika ditemui Sinar Harian di pejabatnya, di sini, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas pelbagai pihakersoalkan Horas yang sepatutnya beroperasi dan siap September 2015 dan tertangguh sehingga hari ini.

Zaidy menjelaskan, baru-baru ini, kerajaan negeri berjaya menyempurnakan projek Mitigasi 2, iaitu membekalkan air dengan menaik taraf beberapa loji di Sungai Selangor.

Menurutnya, tujuan projek Horas adalah untuk menampung keperluan sumber air tambahan bagi projek Mitigasi 2 dan sehingga ke hari ini, Horas dan kolam-kolam lain berjaya menyempurnakan tujuan utama itu.

Projek Horas, kata Zaidy lagi, disiapkan mengikut fasa dan mengikut keperluan bagi membantu projek Mitigasi 2 dalam menghadapi musim panas seterusnya menampung keperluan sungai Selangor itu sendiri.

"Oleh itu, untuk projek Horas ini, ia mempunyai tiga fasa, pertamanya adalah fasa pengorekan kolam, keduanya rumah pam dan ketiganya pengukuhan tebing.

Zaidy memegang akhbar Sinar Harian semalam sambil menafikan dakwaan segelintir pihak bahawa projek Horas tertangguh

"Paling penting adalah pengorekan kolam, yang mana kawasan pertama melibatkan 48 hektar telah disempurnakan pada Oktober 2015 lalu," katanya.

Tambah Zaidy, sekarang pihaknya sedang membuat korekan untuk kawasan yang kedua kerana ia belum selesai dan ia dijangka siap pada Jun ini dan setelah siap nanti, baru didirikan rumah pam yang dijangka siap pada Jun 2017.

Tambahnya lagi, tidak benar sama sekali dakwaan mengatakan projek ini terbantut sebaliknya ia berjalan lancar mengikut fasa yang telah ditetapkan.



Zaidy (tengah) ketika melawat salah satu Kolam Horas di Bestari Jaya pada 5 Mei lalu.